



**#KitaSelangor**

## **PERUTUSAN TAHUN BAHARU 2023 YAA KETUA HAKIM SYARIE SELANGOR**

Assalamualaikum w.b.t dan salam muhibah.

Alhamdulillah marilah sama-sama kita menzahirkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah dan rahmatNya kita dikurniakan kudrat dan peluang untuk melangkah ke tahun 2023. Semoga dengan kehadiran tahun 2023 ini dimulakan dengan semangat dan azam yang baru serta dibuka segala pintu kebaikan oleh Allah SWT Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih.

Di kesempatan ini saya merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada seluruh warga kerja Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKES) atas pencapaian yang membanggakan sepanjang tahun 2022. Menelusuri tahun 2022, saya percaya semua pencapaian dan kejayaan yang diperoleh merupakan natijah kepada curahan keringat, usaha, komitmen penuh ikhlas dan kerjasama erat di kalangan seluruh warga JAKES dalam menempuh cabaran dan rintangan dalam memastikan JAKES terus mencipta kecemerlangan. Saya tidak berhasrat untuk mengungkapkan semua kejayaan organisasi yang pernah kita capai sepanjang 12 bulan yang lalu dan biarlah ianya terpahat sebagai lipatan sejarah kenangan pahit dan manis untuk tahun yang berlalu.

Tahun 2023 adalah tahun baru yang amat mencabar dan sudah pastinya menjanjikan mehnah dan tribulasi yang lebih hebat. Justeru, saya menyeru warga kerja JAKES agar sentiasa berusaha mengamalkan budaya kerja yang cemerlang dengan bertunjangkan iman dan akhlak, melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran dalam melaksanakan perkhidmatan sama ada dalam bidang perundangan mahupun pentadbiran. Setiap warga kerja perlu mempunyai sifat kesungguhan dalam bekerja serta menerapkan sikap amanah, ikhlas dan saling membantu dalam melaksanakan tugas disamping sentiasa berusaha memperbaiki diri bagi memperkemas sistem penyampaian perkhidmatan dengan lebih cekap dan berkesan kepada pelanggan secara berterusan.

Kita harus terus memandang ke hadapan dan mencipta lebih banyak kejayaan berbanding tahun sebelumnya. Tanamkan azam dan tekad untuk bekerja lebih amanah, ikhlas, bersungguh-sungguh sepanjang 2023 ini. Jadikanlah akhlak Rasulullah SAW sebagai panduan sepanjang melaksanakan tugas. Berusaha menjadi pekerja yang cemerlang dan proaktif dengan memberikan sepenuh

komitmen kepada tugas yang diamanahkan. Lakukan pekerjaan dengan penuh rasa tanggungjawab dan berikan sepenuh tumpuan terhadap tugas, bersikap rajin dan mempelajari kemahiran-kemahiran lebih dari bidang tugas yang diperlukan untuk terus bekerja secara profesional.

Jabatan sentiasa memberi perhatian untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan mahkamah. Penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan bukan sahaja tertumpu kepada penambahbaikan sistem dan proses kerja sahaja, malah perhatian yang sewajarnya juga perlu diberi kepada aspek meningkatkan jalinan hubungan antara organisasi dengan pelanggan-pelanggannya. Jabatan memandang serius usaha-usaha yang telah dirancang bagi memenuhi kehendak dan ekspektasi pelanggan yang semakin meningkat. Pengurusan perkhidmatan yang cekap dan berkesan akan dapat memastikan penyampaian perkhidmatan yang responsif kepada kehendak dan keperluan pelanggan demi mencapai keadilan.

Kami turut mengalukan sebarang cadangan, komentar, idea-idea yang bernas dan jitu dari pelanggan-pelanggan bagi menambah baik sistem perkhidmatan kami dari semasa ke semasa.

Akhir kalam, marilah sama-sama kita perkukuhkan ukhuwah, memantapkan perkhidmatan yang produktif, membudayakan inovasi, bekerja sebagai satu pasukan yang utuh dan terus berdoa agar kita diberikan kekuatan dan keupayaan dalam menyempurnakan segala amanah yang telah diberikan dengan sebaiknya dalam mempertingkatkan sistem kehakiman syariah dan seterusnya JAKESS menjadi Institusi Kehakiman Syariah terunggul di Malaysia dengan menyediakan perkhidmatan yang berkualiti, adil dan efisien.

Justeru, marilah sama-sama kita bermuhasabah dan istiqamah pada niat seawal memulakan pekerjaan bahawa semua kerja yang dilaksanakan kerana Allah SWT dan mudahan setiap pekerjaan diterima sebagai ibadah dan memperoleh rezeki dengan penuh keberkatan. Semoga segala azam, tekad dan perancangan untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang di tahun 2023 akan menjadi satu kenyataan. InsyAllah.

Selamat Tahun Baharu 2023

Sekian, Wassalam.

**Y.A.A. Dato' Mohammad Adib bin Husain**  
**Ketua Hakim Syarie,**  
**Jabatan Kehakiman Syariah Selangor.**